

18/06/2000

Perdana Menteri berlepas ke Kaherah

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Kaherah semalam untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G-15) Ke-10 yang dijadual bermula esok.

Beliau diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang kira-kira 3.15 petang.

Turut hadir di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri Kabinet.

Dr Mahathir adalah antara beberapa ketua negara dan kerajaan yang dijangka menghadiri Sidang Kemuncak Kaherah itu.

G15 dianggotai 17 negara - Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

(END)